

27/02/2001

JPA kemuka hasil kajian ubah suai pergerakan gaji

KUALA LUMPUR, Isnin - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengemukakan hasil kajian mengubah suai kaedah pergerakan gaji sedia ada, mengikut Jadual Gaji Matriks dalam Sistem Saraan Baru (SSB), kepada kerajaan dalam masa terdekat.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam, berkata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Jamaludin Ahmad Damanhuri, mengesahkan perkara itu dalam satu perjumpaan Sabtu lalu.

"Cuepacs yakin tindakan menggantikan peruntukan tertentu sistem gaji matriks seperti amalan sekarang dengan kaedah kenaikan gaji yang lebih munasabah dapat menjana semangat kakitangan awam selain memupuk mereka berusaha lebih gigih.

"Sistem gaji SSB ini sudah dipertikai sejak diperkenalkan pada 1992 kerana kebanyakan kakitangan awam sangsi dengan kewibawaan serta ketepatan ketua jabatan membuat penilaian tahunan prestasi kerja secara telus.

"Walaupun kita akui penetapan gaji yang diperkenalkan menerusi SSB ini mempunyai kebaikan tersendiri, masih wujud pelbagai persoalan mengenai cara ia dilaksanakan," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Siva berkata, Cuepacs pernah menerima laporan, ketua jabatan tidak pernah bersemuka dengan kakitangan yang hendak ditentukan kaedah pergerakan gajinya dan ini, secara tidak langsung, menjejaskan moral mereka.

Walaupun ada kementerian dan jabatan kerajaan memperbaiki sistem penilaian bagi mengelak unsur pilih kasih, ia belum dapat meyakinkan pekerja untuk terus menerima pakai sistem itu kerana mudah disalah guna.

Ada empat kaedah pergerakan gaji bagi seseorang kakitangan iaitu secara melintang, menegak, mendatar atau statik.

Kebanyakan kakitangan awam tidak berpuas hati dengan kuota yang menghadkan pergerakan gaji melintang kepada dua peratus, menegak (tiga peratus), mendatar (90 peratus) dan statik (5 peratus).

Antara rungutan terhadap SSB ialah kaedah perangkaan Jadual Gaji Matriks di mana semua mata gaji disusun mengikut tiga Peringkat (P), iaitu P1, P2 dan P3, masing-masing dengan kemajuan gaji yang berbeza.

Menurut Siva, Cuepacs berterima kasih kepada kerajaan kerana sedia menimbang cadangan kongres itu 4 Oktober tahun lalu dalam satu memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sehingga mendorong beliau mengarahkan JPA membuat kajian terhadap skim SSB.

"Rombakan dalam sistem SSB akan memanfaatkan kira-kira 950,000 kakitangan awam seluruh negara selain dapat mengemas kini serta memantapkan lagi peranan hampir 25,000 ketua jabatan," katanya.

Mengulas cadangan yang terkandung dalam memorandum terbabit, kata Siva, Cuepacs turut mencadangkan sistem gaji tiga baris dalam SSB sekarang diganti dengan sistem gaji sebaris supaya semua kakitangan awam berpeluang menikmati gaji permulaan dari paras satu sehingga gaji maksimum pada paras tiga.

Memorandum Cuepacs itu juga mahukan supaya SSB diubah suai dari sudut gaji, pencen dan imbuhan serta insentif supaya lebih teratur dan adil selain memohon penyemakan gaji sektor awam secara menyeluruh.

Kerajaan memperkenalkan SSB pada 1993 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 1992, iaitu sejurus selepas ia dilaksanakan dan tiga tahun kemudian, kerajaan mengemas kini sistem itu menerusi Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1996 tetapi masih menerima pelbagai rungutan daripada kakitangan awam.

(END)